

Memberhentikan pekerja

KOSMO 4/11/08 M/s 31

Di dalam keadaan tertekan, kebanyakan majikan mengambil tindakan yang mereka anggap paling mudah untuk mengurangkan kos iaitu mengurangkan tenaga kerja secara paksa atau menawarkan VSS.

TIDAK ada sesiapa pun yang suka diberhentikan kerja. Apatah lagi pada zaman kemelut ekonomi yang bukan hanya melanda Malaysia tetapi seluruh dunia. Bagi orang kebanyakan, tiada kerja bererti tiada wang masuk ke dalam saku. Hidup tanpa wang pada waktu kegawatan ekonomi memang amat menyeksakan. Dengan harga barang melambung tinggi, harga minyak yang melebihi RM2 seliter, kos perubatan yang tinggi dan lain-lain kenaikan harga yang membebankan, ini bukanlah masa terbaik untuk dibuang kerja.

Namun, hakikatnya, inilah langkah pertama yang sering diambil oleh organisasi setiap kali berlakunya kegawatan ekonomi. Pembuangan tenaga kerja dilakukan untuk menjimatkan perbelanjaan organisasi. Sebenarnya langkah ini hanya berkesan untuk jangka masa pendek manakala dalam jangka masa panjang, ia lebih memberi kesan yang negatif.

Mengapa majikan mengambil langkah tersebut?

Tersilap membuat perhitungan

Setiap organisasi mempunyai sasaran pendapatan yang ingin dicapai pada setiap tahun. Namun, tidak semua berjalan lancar seperti yang dirancang, apatah lagi apabila dilanda kegawatan ekonomi yang tidak dapat dielakkan. Kesan sampingan daripada kegawatan tersebut termasuklah pembeli mengurangkan pembelian atau melambatkan pembelian produk atau perkhidmatan yang ditawarkan oleh organisasi manakala pembekal mula me-



PARA pekerja kilang Nikko berbincang sesama mereka mengenai masa depan masing-masing selepas diberhentikan kerja di Butterworth, Pulau Pinang baru-baru ini.

dengan penuh dedikasi demi membantu syarikat maju di dalam apa juga bidang yang diceburi.

Selain mengurangkan tenaga kerja, ada banyak lagi langkah-langkah lain yang boleh diambil oleh syarikat bagi mengurangkan kos operasi. Ini termasuk menutup lain-lain cawangan syarikat (jika

diberhentikan kerja. Ini sudah cukup untuk memberi mereka motivasi agar lebih bersemangat untuk memberi khidmat yang terbaik demi kepentingan dan kejayaan organisasi.

Kesan negatif pemberhentian pekerja

Sebaliknya, tindakan memberhentikan

Buletin Akademi

Kursus Latihan Prasekolah

PERSATUAN Tadika Malaysia akan mengadakan program latihan kemahiran prasekolah pada sesi cuti sekolah bulan November ini.

Pendaftaran kini dibuka kepada mereka yang berminat. Untuk maklumat lanjut, hubungi talian **03-79574610** atau hantarkan faks ke **03-79544610**.

Pesta Kerjaya, Pendidikan dan Keusahawanan

KEMENTERIAN Pengajian Tinggi dan People Source (M) Sdn Bhd akan menganjurkan My Career, Education & Entrepreneur Fair 2008 pada 7 sehingga 9 November ini di Mid Valley, Kuala Lumpur.

Pesta kerjaya, pendidikan dan keusahawanan ini akan membantu individu yang ingin mempertingkatkan kerjaya, tahap pendidikan dan semangat keusahawanan mereka.

Dengan tema '*Menjelajahi peluang baru*', acara tersebut memaparkan peluang pendidikan dan pekerjaan yang disediakan di Malaysia dan luar negara.

Untuk maklumat lanjut, hubungi My Events Sdn Bhd di talian **03-2035 5777** atau layari laman web www.mycef.com.my.

Biomekanik Teater

BIOMEKANIK Teater bukanlah merupakan satu sistem dalam dunia lakonan.

naikkan harga barang keperluan syarikat. Ini akan mengakibatkan penurunan di dalam keuntungan dan jika keadaan tidak dibendung dari awal, ia boleh mengakibatkan kerugian besar kepada syarikat. Keadaan ini sudah pasti tidak digemari para pelabur yang telah melabur sebahagian besar wang di dalam syarikat terlibat. Mereka mahu syarikat tersebut bertindak cepat menangani masalah yang berlaku.

Di dalam keadaan tertekan, kebanyakan majikan mengambil tindakan yang mereka anggap paling mudah untuk mengurangkan kos iaitu mengurangkan tenaga kerja sama ada secara paksa atau menawarkan VSS (*Voluntary Separation Scheme*) atau Skim Pemberhentian Kerja Secara Sukarela yang mana pekerja akan diberi wang pampasan yang ditentukan berdasarkan tempoh perkhidmatan dan gaji terakhir.

Keuntungan syarikat yang tidak menguntungkan, menutup jabatan yang tidak berfungsi dengan aktif dan menyeyrap tenaga kerja di jabatan tersebut ke jabatan yang lebih aktif dan memerlukan tenaga kerja yang ramai, mengurangkan kos promosi seperti pelancaran produk yang jika selama ini dibuat secara besar-besaran tetapi kini harus dibuat secara sederhana tanpa gimik yang keterlaluan, mencari alternatif yang lebih murah untuk membuat promosi, mengurangkan aktiviti sosial yang memerlukan banyak perbelanjaan (karnival sukan, karnival hari keluarga), mengurangkan pembelian barangan yang kurang penting, menghapuskan kerja lebih masa atau *overtime*, memastikan pekerja turut serta mengambil langkah berjimat-cermat di dalam penggunaan barang keperluan syarikat seperti kertas saiz A4 yang digunakan untuk mencetak (guna kertas kitar semula), berjimat menggunakan tenaga elektrik, memendekkan waktu mesyuarat yang meleret-leret agar lebih masa dapat ditumpukan pada kerja dan banyak lagi langkah sampingan yang boleh diambil oleh majikan atau ketua jabatan.

Pekerja adalah satu pelaburan

Kebanyakan syarikat tersilap membuat perkiraan apabila mengambil langkah memberhentikan tenaga kerja sebagai langkah mengurangkan kos penyelenggaraan syarikat. Sebenarnya pekerja adalah satu pelaburan yang berharga bagi jangka masa panjang. Memang benar, pemberian gaji dan kemudahan merupakan kos yang perlu ditanggung oleh majikan. Namun, ia perlu dianggap sebagai pelaburan untuk mendapatkan kemahiran dan kesetiaan pekerja yang bekerja



**membina
kerjaya**

Kelolaan ZURINA HASHIM

ada) yang tidak menguntungkan, menutup jabatan yang tidak berfungsi dengan aktif dan menyeyrap tenaga kerja di jabatan tersebut ke jabatan yang lebih aktif dan memerlukan tenaga kerja yang ramai, mengurangkan kos promosi seperti pelancaran produk yang jika selama ini dibuat secara besar-besaran tetapi kini harus dibuat secara sederhana tanpa gimik yang keterlaluan, mencari alternatif yang lebih murah untuk membuat promosi, mengurangkan aktiviti sosial yang memerlukan banyak perbelanjaan (karnival sukan, karnival hari keluarga), mengurangkan pembelian barangan yang kurang penting, menghapuskan kerja lebih masa atau *overtime*, memastikan pekerja turut serta mengambil langkah berjimat-cermat di dalam penggunaan barang keperluan syarikat seperti kertas saiz A4 yang digunakan untuk mencetak (guna kertas kitar semula), berjimat menggunakan tenaga elektrik, memendekkan waktu mesyuarat yang meleret-leret agar lebih masa dapat ditumpukan pada kerja dan banyak lagi langkah sampingan yang boleh diambil oleh majikan atau ketua jabatan.

Yang paling penting, majikan mesti menerangkan kepada para pekerja mengenai kepentingan langkah berjimat-cermat dan meminta mereka bersama-sama membantu menjayakan kempen ini. Jika kempen ini berjaya, berita baik bagi mereka adalah kemungkinan besar tidak ada seorangpun di antara mereka yang perlu

Sebaliknya, tindakan memberhentikan kerja dalam apa bentuk sekali pun, sama ada secara sukarela atau tidak, mempunyai kesan negatif terhadap pekerja lain yang tidak terlibat. Mereka belum tentu rasa selamat dan beranggapan bahawa mereka juga mungkin akan menerima nasib yang sama pada suatu hari nanti kerana berpendapat bahawa majikan lebih mementingkan keuntungan syarikat daripada kepentingan pekerja.

Majikan mungkin hanya memberhentikan perkhidmatan pekerja yang kurang cemerlang tetapi tindakan ini belum tentu akan menjanjikan bahawa pekerja-pekerja mahir dan cemerlang akan terus bersama mereka buat selama-lamanya. Di dalam situasi yang tidak menentu, pekerja-pekerja cemerlang ini juga mungkin akan mula mencari kerja lain di syarikat yang lebih stabil, justeru membawa kerugian besar kepada majikan yang sedia ada.

Jadi, bagi syarikat-syarikat atau organisasi yang sedang memikir untuk mengurangkan kos operasi melalui penguurangan tenaga kerja perlu membuat perkiraan yang lebih teliti dan mendalam sebelum mengambil keputusan tersebut. Jangan hanya fikir tentang kos, Amati juga kesan sampingan jangka panjang seperti yang telah disebut di atas.

» Penulis adalah Pengarah Pemasaran di JSDC Training Consultancy dan boleh dihubungi di zurina61@yahoo.com. JSDC menjalankan latihan dan bengkel Pembangunan Diri untuk graduan, kaum wanita dan juga untuk golongan korporat.

satu sistem dalam dunia lakonan. sebaliknya satu bentuk teknik latihan.

Ia memperhalusi kawalan fizikal dan keseimbangan, kepekaan ritma dan rakan serta stimulasi luaran seorang pelakon. Ia adalah aplikasi muzik dan ritma terhadap teks dan pergerakan di pentas.

Sehubungan itu, Pentas Seni Kuala Lumpur (KLPAC) akan menganjurkan latihan 'Pengenalan terhadap Biomekanik Teater' kepada individu berusia 15 tahun ke atas, mulai 8 November ini.

Mereka yang ingin mendapatkan maklumat lanjut, hubungi talian **03-40479060** atau layari laman web www.klpac.com.

Pameran Pendidikan UK 2008

BRITISH Council akan menganjurkan Pameran Pendidikan UK 2008 pada 8 dan 9 November ini, dari pukul 1 tengah hari sehingga 6 petang, bertempat di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur.

Ia memberi peluang kepada individu dan ibu bapa mendekati pendidikan di United Kingdom (UK). Pesta ini turut dihadiri wakil-wakil dari 57 institusi pengajian di UK. Seminar mengenai pelbagai topik berkaitan termasuk aplikasi visa, pengurusan perbelanjaan dan bidang-bidang pengajian peringkat pascasiswazah turut diadakan.

Pengunjung juga berpeluang mendapatkan maklumat berkenaan bantuan kewangan dan biasiswa yang ditawarkan.